

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI**
(HULU SELANGOR)

TARIKH : **25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan justifikasi perkhidmatan bas mini diperkenalkan semula setelah lama dihentikan. Adakah perkhidmatan bas mini masih sesuai beroperasi dalam keadaan kesesakan trafik yang teruk.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan bas berhenti-henti (stage bus) mengalami pelbagai cabaran termasuk kos operasi yang semakin meningkat di samping permintaan para penumpang dan rakyat agar harga tiket bas dikekalkan pada kadar yang berpatutan. Umum diketahui juga rangkaian pengangkutan awam khususnya di Lembah Kelang masih mempunyai kekurangan dari segi kebolehcapaian *first mile* dan *last mile* untuk menghubungi para pengguna dari rumah atau pejabat ke stesen rel atau keretapi yang terdekat. Perkhidmatan bas berhenti-henti selalunya tidak dapat menembusi kawasan perumahan yang padat kerana jalan yang sempit di kawasan berkenaan sukar dilalui oleh kenderaan bas biasa yang saiz besar.

2. Oleh demikian, cadangan memperkenalkan bas yang lebih kecil iaitu dari panjang 7 meter hingga 10 meter (berbanding saiz bas biasa 12 meter) mula dilaksanakan oleh situasi oleh Prasarana Malaysia melalui beberapa projek perintis di laluan-laluan yang dikenalpasti. Ini adalah untuk mencari formula penyelesaian kepada kesinambungan perjalanan atau "*connectivity*" untuk "*First mile*" di laluan-laluan strategik tempatan khususnya di laluan yang melalui jalan-jalan sempit di kawasan-kawasan penempatan tinggi dan padat seperti di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR), kampung tradisi, kampung baru dan sebagainya.

3. Perkhidmatan bas mini ini perlu mematuhi piawaian mutu perkhidmatan dan syarat-syarat yang ketat yang dikawal selia oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Perkhidmatan tersebut dijangka tidak beroperasi di kawasan yang mengalami kesesakan trafik yang teruk kerana ianya difokuskan di laluan-laluan tempatan sahaja dan bukan di koridor utama.

4. Kini, perkhidmatan bas mini di dalam tempoh percubaan yang dioperasikan oleh Rapid KL bagi tiga (3) laluan tempatan iaitu T300 (Bukit Indah – Ampang Point melalui Jalan Rasmi), T304 (Bukit Indah – Ampang Point melalui Jalan Ampang) dan T784 (LRT Taman Bahagia – Damansara Utama). Statistik yang dikumpul sejak bermulanya tempoh percubaan baru-baru ini pada Oktober 2019 menunjukkan peningkatan yang positif dari segi bilangan pengguna dan maklum balas yang baik dari kalangan para penumpang.

Sekian, terima kasih.